

Peradaban budaya Melayu bukti keunikan

BH - 28/5/2006

Pemikiran feudalistik, kepatuhan nilai bersama masih kental di kalangan masyarakat



SELAMA beberapa minggu, saya mengendalikan program khas *Isu Semasa* di RTM1 yang membawakan isu perubahan nilai dan sikap di kalangan orang Melayu. Ini ada kaitannya dengan cakap-cakap untuk melahirkan Melayu unggul atau *towering Malays*. Bermula daripada Prof Diraja Ungku Aziz, perbincangan itu juga membabitkan beberapa tokoh politik muda dari Umno, Datuk Mohamad Norza Zakaria dan Ismailina Ismail diikuti Datuk Mohd Dahlan Abdul Latiff yang mewakili Yayasan Kajian dan Strategik Melayu (YKSM) dan Khairil Annas Jusoh, Pegawai Khas Timbalan Perdana Menteri.

Di luar dari kerangka perbincangan di TV itu saya berpendapat ini waktu yang amat sesuai untuk orang Melayu menilai diri bagi mencari jalan terbaik untuk menghadapi cabaran semasa. Ini bukan bermakna orang Melayu tidak bersedia berubah atau liat berubah. Proses transformasi dalam masyarakat Melayu nampaknya tidak pernah berakhir. Malah proses penilaian diri juga nampaknya tidak ada kesudahannya.

Banyak orang mengambil mudah apa yang berlaku di dalam masyarakat Melayu beberapa dekad kebelakangan ini. Juga hasil daripada kesediaan orang Melayu untuk menyambut cabaran semasa. Lihat saja filem Melayu pada tahun 50-an dan 60-an untuk memahami *psyche*, minda dan masyarakat Melayu. Cuba lihat makna kekayaan, keupayaan ekonomi dan nilai masyarakat masa itu. Cuba perhatikan pengertian darjat dan pentakrifan kelas dalam filem berkenaan.

Ambil saja mana-mana filem P Ramlee untuk melihat cara tokoh filem itu memancarkan masyarakat pada zamannya. Beliau memperagakan watak manusia yang kecil, terpinggir dan tertindas. Hero dalam filem P Ramlee ialah manusia yang selalu jadi mangsa, *underdogs* yang tertindas dan rakyat yang dilukakan sistem yang tidak adil. Tetapi hero orang Melayu juga sudah berubah mengikut zaman dan keadaan. Dasar Ekonomi Baru (DEB) sudah melahirkan generasi Melayu berbeza nilai dan sikap mereka terhadap kehidupan. Haji Bakhil bukan lagi imej orang kaya Melayu dan Kassim Selamat tidak lagi menjadi hero Melayu yang tertindas.

Anak Melayu sudah melampaui dunia kecil hero filem Melayu untuk mencipta nama dalam dunia baru yang penuh mencabar—dunia profesional, dunia politik dan dunia korporat. Mungkin benar pandangan setengah pihak perubahan di kalangan orang Melayu berlaku bagai tsunami dalam waktu begitu pantas. Program kejuruteraan sosial yang dikenali sebagai DEB itu mungkin tidak sepenuhnya berjaya dari segi pencapaian ekuiti tetapi menjadi penjana utama perubahan nilai dan sikap di kalangan orang Melayu.

Proses transformasi ini nampaknya tidak habis setakat DEB. Keyakinan baru di kalangan orang Melayu berikutan peningkatan keupayaan ekonomi mereka menjadikan mereka lebih bersedia menapak lebih jauh. Maka nilai kejayaan di kalangan orang Melayu hari ini juga sudah berubah dengan hebatnya. Begitu juga penanda kejayaan dan kemakmuran. Sudah pasti semua ini membawa makna tersendiri pada bangsa Melayu seluruhnya. Orang Melayu tidak lagi bercakap mengenai kejayaan ekonomi tetapi mulai memberikan penanda aras baru seperti *towering Malays* dan Melayu global misalnya.. Frasa Melayu unggul yang disebutkan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi itu kini menjadi semacam penanda baru kecemerlangan orang Melayu.

Tentulah ada yang mengatakan sejarah kejayaan ekonomi orang Melayu hanya bermula dengan DEB. Ini menafikan sama sekali sejarah kesultanan Melayu yang menunjukkan bukti orang Melayu yang kaya raya pada era itu. Di dalam kitab *Sejarah Melayu*, Bendahara Sri Maharaja digambarkan sebagai orang kaya yang mempunyai emas sebegitu banyak hingga boleh dibubuh pada segenap pahatan bendul dan pahatan pintu rumahnya.

Beliau juga dikatakan memberikan emas 'segenggam seorang perbuat main' pada anak buahnya sebagai habuan. Ini menunjukkan kekayaan luar biasa di kalangan orang Melayu wujud lama sebelum DEB.

Soalnya apakah orang Melayu hari ini sudah berpuas hati dengan pencapaian mereka? Atau apakah pencapaian itu seimbang di kalangan orang Melayu sendiri? Atau apakah kemungkinan berlaku ketidaksamarataan pendapatan yang semakin melebar di kalangan orang Melayu? Malah tidak kurang pentingnya ialah apakah tidak berlaku pemisahan di-

gital (*digital divide*) yang akan memisahkan orang Melayu mengikut darjat dan keupayaan baru?

Semua ini memerlukan jawapan segera. Apa yang pasti ialah DEB tidak seluruhnya gagal. Sekurang-kurangnya kita sudah melahirkan generasi profesional dan peniaga baru yang sebelum tahun 1970 tidak wujud. Namun, apakah kejayaan ekonomi dan mobiliti sosial di kalangan orang Melayu diimbangi perubahan sikap dan nilai? Apakah orang Melayu hanya berubah cara dan kaedah hidup mereka tetapi menyeret bersama-sama mereka bagasi silam dan nilai lama yang tidak cocok lagi?

Sebelum ini banyak cakap-cakap mengenai Melayu yang mudah lupa dan orang Melayu yang hilang citra kemelayuan mereka. Malah cakap-cakap sebegini menjadi tambah menarik kerana ia membuktikan orang Melayu hilang arah dan pedoman. Supaya berlaku adil, hal seperti ini berlaku pada semua bangsa di dunia, apa lagi bangsa yang melalui goncangan sosial hebat yang dilalui orang Melayu. Orang Melayu

sebelum 1970 hanya melihat kek ekonomi dinikmati oleh orang lain.

Maka itu kesan negatif daripada kejayaan akan dirasakan. Ada pandangan yang mengatakan orang Melayu lebih berjaya mengurus kemiskinan dan kepapaan daripada menangani kejayaan. Peribahasa Melayu dikatakan menunjukkan hal itu. Orang Melayu mengambil sikap 'secupak tidak akan jadi segantang' dan memegang pandangan 'ulat dalam batu lagikan boleh hidup'. Bagi mereka ini contoh sikap definitif orang Melayu. Sebenarnya penerimaan terhadap takdir itu bukan tanpa sebab. Dalam keadaan tekanan hidup yang dahsyat, orang Melayu tidak perlu membinasakan diri. Mereka mengambil sikap jikalau sudah berikhtiar tetapi tidak senang juga, baiklah mereka menerima surat daripada melakukan sesuatu yang bodoh dan bertentangan dengan agama mereka.

Menggunakan kacamata hari ini untuk menilai sikap dan pandangan dunia *world-view* masyarakat Melayu tradisional tentulah satu kesilapan. Tetapi kita juga harus faham bahawa

orang Melayu yang berjaya hari ini pun tidak lahir dari kekosongan. Mereka terbentuk oleh budaya sedia ada yang memancarkan nilai tertentu yang unik Melayu. Rata-rata pemikiran feudalistik dan kepatuhan pada nilai bersama masih kental di kalangan orang Melayu moden hari ini. Teras agama mereka juga tidak terhakis walaupun sehebat mana kejayaan mereka. Malah ada kalanya sifat kemelayuan dan pegangan keagamaan itu meletakkan mereka dalam konflik baru. Semakin mereka mahu menjadi lebih Islam, semakin mereka menjadi kurang Melayu.

Saya melihat krisis nilai di kalangan orang Melayu ini secara positif. Ini membuktikan kita bangsa yang dinamis dan sentiasa bersedia membuat penyesuaian. Walau apapun penilaian kita terhadap perubahan itu ia sebenarnya membantu mempersiapkan orang Melayu menghadapi cabaran semasa. Cuma harapan kita perubahan itu tidak sama sekali menghakis nilai terbaik yang ada pada kita.

Ingatlah, peradaban dan budaya

Melayu membuktikan keunikan, kehebatan dan nilai *genius* di dalamnya. Tamadun Melayu tidak bermula dengan kemerdekaan tanah air. Tradisi kesjaranaan dan keilmuan tidak bermula dengan tertubuhnya universiti pertama di negara ini. Orang Melayu mempunyai sejarah yang panjang dan gemilang dan penuh warna-warni.

Orang Melayu berubah kerana tuntutan perubahan. Orang Melayu tidak berubah semata-mata kerana asakan dan propaganda untuk berubah. Mungkin orang Melayu memerlukan kejutan sejarah seperti 13 Mei untuk berubah. Kali ini keperluan itu ialah untuk menghadapi dugaan baru era globalisasi. Orang Melayu bukan baru memahami cabaran ini. Sejarah kesultanan Melayu yang silam sudah mempersiapkan orang Melayu untuk berinteraksi dengan orang luar dan orang asing.

Secara mudahnya minda Melayu sudah cukup anjal untuk menerima perubahan. Asalkan perubahan itu menguntungkan mereka.


Peradaban dan budaya Melayu membuktikan keunikan, kehebatan dan nilai genius di dalamnya. Tamadun Melayu tidak bermula dengan kemerdekaan tanah air. Tradisi kesjaranaan dan keilmuan tidak bermula dengan tertubuhnya universiti pertama di negara ini..."

Orang Melayu berubah kerana tuntutan perubahan. Orang Melayu tidak berubah semata-mata kerana asakan dan propaganda untuk berubah. Mungkin orang Melayu memerlukan kejutan sejarah seperti 13 Mei untuk berubah"

Dasar Ekonomi Baru (DEB) melahirkan generasi Melayu yang berbeza nilai dan sikap mereka terhadap kehidupan. Haji Bakhil bukan lagi imej orang kaya Melayu Kassim Selamat tidak lagi menjadi hero Melayu yang tertindas"

Di dalam kitab Sejarah Melayu, Bendahara Sri Maharaja digambarkan orang kaya miliki emas yang sebegitu banyak hingga boleh "dibubuh pada segenap pahatan bendul dan pahatan pintu" rumahnya. Beliau juga dikatakan memberikan emas "segenggam seorang perbuat main" pada anak buahnya sebagai habuan"

Ada pandangan mengatakan orang Melayu lebih berjaya mengurus kemiskinan dan kepapaan daripada menangani kejayaan. Orang Melayu ambil sikap "secupak tidak akan jadi segantang" dan memegang pandangan "ulat dalam batu lagikan boleh hidup"



PERUBAHAN NILAI DAN SIKAP: Masyarakat Melayu kini sudah melampaui dunia kecil hero filem Melayu untuk mencipta nama dalam bidang profesional, politik dan korporat.